

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(A)44**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG  
YB. ONG AH TEONG**

44. Kekurangan banjir yang berlaku sepanjang tahun 2018 dan 2019 telah menghantui penduduk di sekitar Jalan Van Pragh, Solok Van Pragh dan Jalan Sir Ibrahim.
- (a) Apakah punca dan langkah jangka masa pendek dan panjang bagi mengatasi masalah ini?.

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

44. Kekurangan banjir yang berlaku sepanjang tahun 2018 dan 2019 adalah disebabkan kekangan kerja-kerja pengukuhan struktur saluran bawah tanah yang sedia ada di bawah Jalan Tengku, persimpangan Jalan Jelutong dan Solok Perak. Pengukuhan kerja-kerja konkrit terpaksa dilakukan dengan pemasangan perancah yang perlu dipapak (*temporary support*) sehingga memperolehi kekuatan konkrit yang diperlukan bagi memastikan struktur yang diperkukuh tersebut tidak runtuh. Kejadian banjir bertambah teruk dengan sisa sampah sarap yang turut

tersangkut dan membentuk halangan bersama-sama perancah tersebut.

Kerja-kerja konkrit terakhir telah siap pada 2 Mac 2020 dan perancah yang dipasang dalam saluran bawah tanah telah dikeluarkan pada 31 Mac 2020.

Namun begitu, kerja-kerja pengukuhan ini merupakan langkah penyelesaian bagi jangka masa sederhana sementara menunggu penyelesaian jangka masa panjang melalui kajian reka bentuk terperinci Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pinang yang mana akan memulihara semula (*rehabilitate*) Sungai Jelutong asal untuk kembali mengalir ke muara Sungai Pinang selepas mengambil kira penaiktarafan Sungai Pinang